



**JKR NEGERI PERLIS**  
**NOTIS SEBUT HARGA KERJA**

**JKR.PS.Q.SH(PPNP) F125/2026(K)**

**KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG PAPAN TANDA UNTUK PROJEK PEMBINAAN SEKOLAH BAHARU 20 BILIK DARJAH, ASRAMA (300L & 300P), KUARTERS GURU, DEWAN SEKOLAH DAN LAIN-LAIN KEMUDAHAN MENGIKUT PIAWAI SEKOLAH BERASRAMA PENUH DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA KANGAR, SENA, PERLIS**

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** di Perlis dan mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**, **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** serta **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang masih sah dalam Gred **G2** Kategori **B** Pengkhususan **B11**

**(Tempoh sah sijil-sijil hendaklah tidak kurang 90 hari dari tarikh tutup iklan ini)**

2. Lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN** (Petender hendaklah kemukakan Sijil Pendaftaran Asal CIDB (Perakuan Pendaftaran Kontraktor & Sijil Perolehan Kerja Kerajaan) & PPK (Sijil Taraf Bumiputera), SSM (Sijil Pendaftaran Syarikat). **Kebenaran Khas CIDB adalah tidak dibenarkan**. Taklimat akan diadakan seperti berikut:

Tarikh : **26/06/2026**  
Masa : **08:30 pagi - 09:00 pagi** (Pendaftaran)  
**09:30 pagi** (Jangkaan Taklimat)  
Tempat : **DEWAN Q, JKR PERLIS**

(Perhatian: Kontraktor tidak dibenarkan menghantar wakil untuk hadir lawatan tapak)

3. Harga Dokumen Sebut Harga adalah sebanyak **RM10.00 (Ringgit Malaysia: SEPULUH SAHAJA)** dan perlu dijelaskan selewat-lewatnya pada **29/06/2026** jam **12:00 tengah hari**.
4. Dokumen Sebut Harga akan dihantar melalui **EMEL RASMI SYARIKAT YANG AKTIF SAHAJA** (Emel persendirian tidak dibenarkan) yang telah didaftarkan seperti para 3, serta syarikat yang berjaya melepasi syarat dan kelayakan yang ditetapkan, bermula dari **30/06/2026** sehingga **08/07/2026**.
5. Dokumen sebutharga dalam bentuk salinan cetak yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dengan serahan tangan atau perkhidmatan pos dan dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran Sebut Harga JKR Perlis**, Bahagian Kontrak & Ukur Bahan Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis, KM 3, Jalan Raja Syed Alwi Kangar 01000 Perlis **TIDAK LEWAT DARI JAM 12.00 tengah hari, hari KHAMIS, 09/07/2026**.
6. Sebarang pertanyaan sila emel ke **bkub.jkr.perlis@gmail.com** atau boleh hubungi talian **04-9733496(BKUB)**

SR DR. MOHD AZIZI BIN IBRAHIM  
JURUUKUR BAHAN KANAN  
22/06/2026